



**MINIT MESYUARAT
MAJLIS BERSAMA JABATAN
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
KHAS TAHUN 2023**

Tarikh : 4 April 2023 (Selasa)
Masa : 3.30 petang – 4.00 petang
Tempat : Bilik Mesyuarat Mutiara
Aras 6, Blok Menara 4G2
Wisma Tani, Putrajaya / Atas Talian

KEHADIRAN WAKIL PENGURUSAN:

1. Dato' Adnan bin Hussain - Pengerusi
Ketua Pengarah Perikanan Malaysia
2. Mohamed Rizal Bin Mustafa @ Mustapha - Ahli
Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan
3. Puan Shamila binti Zainol - Ahli
Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan
4. Puan Liza binti Long - Turut Hadir (Atas Talian)
Timbalan Pengarah Jabatan Perikanan Laut Sarawak
5. Puan Agnes Caroline Anak Gibea - Setiausaha Pengurusan
Ketua Cawangan Kewangan dan Perolehan (Pencatat Minit)
Bahagian Khidmat Pengurusan
6. Puan Hasliza binti Kasim - Ahli
Ketua Cawangan Pengurusan Aset dan Pentadbiran
Bahagian Khidmat Pengurusan
7. Encik Mohamed Ridzuan bin Mohamed Alias - Turut Hadir
Ketua Cawangan Kemajuan Kerjaya dan Kompetensi
Bahagian Pembangunan Modal Insan
8. Mohd Izzat Hafiz bin Mohd Yazid Zihar - Turut Hadir (Atas Talian)
Cawangan Kewangan dan Perolehan
Bahagian Khidmat Pengurusan
9. Puan Mas Ayu binti Johari - Turut Hadir (Atas Talian)
Cawangan Kewangan dan Perolehan
Bahagian Khidmat Pengurusan
10. Puan Wajeedah binti Mohd Ghazali - Turut Hadir (Atas Talian)
Cawangan Pengurusan Aset dan Pentadbiran
Bahagian Khidmat Pengurusan

11. Cik Hazirah binti Abdol Wahab
Cawangan Pengurusan Personel
Bahagian Khidmat Pengurusan - Turut Hadir
12. Puan Nurul Husna binti Zaidi
Cawangan Pengurusan Personel
Bahagian Khidmat Pengurusan - Urusetia
13. Puan Nor Sa'adah binti Hj Mohd Sidek
Cawangan Pengurusan Personel
Bahagian Khidmat Pengurusan - Urusetia

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

1. Haji Wan Muhammad Aznan bin Abdullah
Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pengurusan) - Ahli

KEHADIRAN WAKIL PEKERJA:

1. Puan Anis Mazidah binti Abd Samad
Bahagian Akuakultur
Naib Pengerusi dan Wakil Pekerja (Pegawai Perikanan Gred G48)
2. Encik Muhammad Shakirin bin Suhaimi
Bahagian Sumber Perikanan Tangkapan
Setiausaha Bersama
Wakil Pekerja (Pegawai Perikanan Gred G41) - Hadir Atas Talian
3. Encik Mohd Azrul bin Mahmod
Bahagian Akuakultur
Wakil Pekerja (Pegawai Perikanan Gred G44)
4. Encik Mat Arif bin Mat Arof
Bahagian Khidmat Pengurusan
Wakil Pekerja (Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W19/W22/W26)
5. Encik Mohd Mustakim bin Baharom
Bahagian Akuakultur
Wakil Pekerja (Pembantu Tadbir Gred N19/N26)
6. Puan Rosliana Binti Zainal
Pejabat Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)
Wakil Pekerja (Setiausaha Gred N19/N22/N29/N28/N32/N36)
7. Encik Ahmad Sani bin Ahmad Razali
Bahagian Konservasi dan Perlindungan Perikanan
Wakil Pekerja (Operator Wayarles Gred N19/N22/N26)
8. Encik Magenthiran Hariz Putra bin Tharmalingam
Bahagian Konservasi dan Perlindungan Perikanan
Wakil Pekerja Gred G19/G22/G26

1. UCAPAN ALUAN Pengerusi MBJ

- 1.1. YBhg. Dato' Adnan bin Hussain sebagai Pengerusi Mesyuarat mengucapkan salam dan terima kasih kepada ahli mesyuarat yang hadir secara fizikal dan juga mengalu-alukan kehadiran wakil pengurusan dari Jabatan Perikanan Laut Sarawak secara atas talian.

Tindakan: Makluman

- 1.2. YBhg. Dato' Pengerusi memaklumkan susulan daripada cadangan yang diusulkan oleh Wakil Pekerja melalui Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Bil.3/2022, satu draf pindaan Perlembagaan MBJ Jabatan Perikanan Malaysia telah dibentangkan. Permohonan pindaan perlembagaan tersebut telah dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan dimaklumkan minit mesyuarat MBJ Bil.3/2022 tersebut tidak mencatatkan persetujuan ahli mesyuarat terhadap pindaan perlembagaan yang dibentangkan. Justeru, mesyuarat ini diadakan bagi mendapatkan persetujuan semua ahli mesyuarat berkaitan pindaan Perlembagaan MBJ telah diusulkan melalui Mesyuarat MBJ Bil.3/2022.

Tindakan: Makluman

2. PEMBENTANGAN RINGKASAN PINDAAN PERLEMBAGAAN MBJ

- 2.1. Urusetia memaklumkan antara tujuan utama Perlembagaan MBJ dicadangkan untuk dipinda adalah bagi memperluas skop MBJ, tidak terhad kepada isu-isu di Ibu Pejabat Jabatan Perikanan Malaysia sahaja malah meliputi isu-isu di Pejabat Perikanan Negeri (PPN) dan Institut Penyelidikan Perikanan (IPP). Seterusnya, pindaan ini juga dicadangkan bagi menambah bilangan ahli Wakil Pekerja dan terdiri daripada pelbagai skim perkhidmatan yang ada.

Tindakan: Makluman

- 2.2. Urusetia turut memaklumkan permohonan pindaan Perlembagaan MBJ telah dikemukakan kepada pihak JPA pada 27.02.2023 dengan mengemukakan semua dokumen yang berkaitan. Walau bagaimanapun, melalui maklum balas bertarikh 22.03.2023 mendapati minit mesyuarat yang telah dikemukakan tidak memenuhi syarat iaitu tidak mencatatkan persetujuan ahli mesyuarat terhadap pindaan perlembagaan MBJ yang dicadangkan.

Tindakan: Makluman

- 2.3. Antara perkara yang telah dipinda di dalam cadangan Perlembagaan MBJ baharu adalah seperti berikut:

- a) Kuorum mesyuarat telah dipinda daripada 8 orang ahli termasuk Pengerusi kepada 8 orang ahli tidak termasuk Pengerusi dengan penambahan ahli iaitu Ketua Cawangan Aset & Pentadbiran, Bahagian Khidmat Pengurusan;

- b) Bilangan kuorum mesyuarat bagi Wakil Pekerja turut dipinda daripada 17 orang yang bertugas di Ibu Pejabat Jabatan Perikanan Malaysia kepada 18 orang Wakil Pekerja termasuk yang bertugas di PPN dan IPP serta terdiri daripada skim Q, C, G, J, W dan A; dan
- c) Bilangan mesyuarat bersidang turut dipinda daripada 3 bulan sekali kepada 4 bulan sekali bagi setiap tahun.

Tindakan: Makluman

2.4. Selain daripada itu, terdapat pindaan dengan cadangan penambahan klausa di dalam cadangan Perlembagaan MBJ baharu iaitu:

- a) Keahlian wakil Pihak Pekerja adalah berdasarkan kepada gred jawatan masing-masing;
- b) Senarai usul yang ingin dibentangkan hendaklah dikemukakan kepada urus setia oleh Setiausaha Bersama selewat-lewatnya 4 hari dari tarikh mesyuarat;
- c) Dalam apa keadaan sekalipun, Naib Pengerusi iaitu Pengerusi Pihak Pekerja tidak boleh mempengerusikan mana-mana mesyuarat Majlis;
- d) Minit mesyuarat MBJ hendaklah ditandatangani oleh Setiausaha Pihak Pegawai dan Setiausaha Pihak Pekerja; dan
- e) JPA sebagai penggubal dasar boleh menetapkan kaedah terbaik bagi menyelesaikan sebarang perbezaan pendapat dan pertentangan di antara Pihak Pegawai dan Pihak Pekerja mengenai penggubalan dan pindaan perlembagaan. Segala keputusan yang dibuat oleh JPA adalah muktamad selari dengan kuasa yang diperuntukkan

Tindakan: Makluman

3. PERKARA – PERKARA BERBANGKIT

3.1. Kuorum bagi mesyuarat MBJ

- 3.1.1. Wakil Pihak Pegawai, Pengarah BPMI ingin mendapatkan kepastian bilangan kuorum mesyuarat bagi mendapatkan sesuatu persetujuan daripada ahli mesyuarat.
 - Naib Pengerusi Wakil Pekerja memaklumkan bahawa melalui perlembagaan baharu yang dicadangkan, kuorum mesyuarat mestilah terdiri daripada sekurang-kurangnya 50% (4 orang) daripada Pihak Pegawai dan 50% (9 orang) daripada Pihak Pekerja. Bagi tujuan persetujuan mesyuarat pada harini yang masih menggunakan perlembagaan asal masih memenuhi kuorum mesyuarat iaitu sekurang-kurangnya 50% (5 orang) daripada Pihak Pekerja dengan dihadiri seramai 8 orang dalam mesyuarat pada hari ini dan 50% Pihak Pegawai (4 orang).

Tindakan: Makluman

3.2. Skop Majlis Bersama Jabatan (MBJ)

3.2.1. Mesyuarat dimaklumkan oleh Naib Pengerusi bahawa perlembagaan MBJ pada asalnya hanya melibatkan isu-isu di Ibu Pejabat Jabatan Perikanan Malaysia sahaja namun dengan pindaan perlembagaan MBJ baharu, semua isu termasuk di PPN dan IPP turut dibincangkan di dalam Mesyuarat MBJ nanti. Naib Pengerusi turut memaklumkan sebelum sesuatu usulan dibawa ke Mesyuarat MBJ induk, perkara tersebut telah disaring terlebih dahulu melalui mesyuarat Pra MBJ yang dipengerusikan oleh beliau.

- Pengerusi memaklumkan dengan pindaan tersebut, semua isu setempat tidak akan dibincangkan didalam Mesyuarat MBJ dan dimohon untuk dibincangkan di dalam mesyuarat pengurusan masing-masing.

Tindakan: Makluman

4. PERSETUJUAN DENGAN CADANGAN PINDAAN PERLEMBAGAAN MBJ

4.1 Semua ahli mesyuarat yang terdiri daripada Wakil Pegawai dan Wakil Pekerja bersetuju dengan pindaan Perlembagaan MBJ yang telah dicadangkan. Pengerusi mesyuarat memohon agar tindakan susulan diambil dengan segera bagi melengkapkan permohonan pindaan Perlembagaan MBJ ini kepada pihak JPA.

Tindakan: Makluman


5. PENUTUP

YBhg. Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada ahli mesyuarat yang hadir dan Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.30 petang.

DISEDIAKAN OLEH:



(AGNES CAROLINE ANAK GIBEA)
Setiausaha Pengurusan
Majlis Bersama Jabatan
Jabatan Perikanan Malaysia



(EN. MUHAMMAD SHAKIRIN BIN SUHAIMI)
Setiausaha Bersama
Majlis Bersama Jabatan
Jabatan Perikanan Malaysia

